



Perhimpunan 1MOT & Majlis Ramah Mesra

TEKS UCAPAN

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT DAN MAJLIS RAMAH MESRA

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

21 Julai 2017

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga MOT dan Jabatan serta Agensi di bawah MOT yang hadir pada Majlis Perhimpunan Bulanan 1MOT ini.
2. Saya juga dimaklumkan bahawa Majlis Perhimpunan Bulanan kali ini diadakan bersekali dengan Majlis Ramah Mesra sempena Hari Raya Aidilfitri.
3. Juga penghargaan saya kepada Biro Siasatan Kemalangan Udara dan Unit Komunikasi Korporat serta semua Bahagian yang terlibat selaku penganjur Majlis perhimpunan dan ramah mesra hari raya ini.
4. Walaupun Bulan Syawal akan berakhir tidak lama lagi, saya kira masih belum terlewat untuk saya mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, MAAF ZAHIR DAN BATIN kepada semua warga MOT, Jabatan, Agensi dan Syarikat Pengendali di bawah MOT.
5. Saya amat gembira melihat kehadiran tuan-tuan dan puan warga MOT serta Jabatan dan pelbagai Agensi di bawah MOT yang berada di sekitar Lembah Klang.
6. Majlis yang diadakan ini memberi ruang dan peluang kepada saya dan semua warga MOT, Jabatan/ Agensi di bawah MOT serta para jemputan untuk merapatkan silaturrahim sambil menikmati juadah yang disediakan dalam suasana yang penuh harmoni.
7. Sekali lagi ucapan terima kasih serta penghargaan tidak terhingga saya kepada semua yang terlibat atas kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan majlis ini.
8. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengalu-alukan En. Mohd Khairul Adib bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOT yang baru bagi menggantikan YBhg. Datuk Ruhaizah Mohamed Rashid yang telah bersara wajib pada 28 Jun yang lalu.

9. Selamat datang ke keluarga besar MOT saya ucapkan dan selamat bertugas kepada En. Mohd Khairul Adib. Saya berharap dengan kepimpinan yang baru ini, Kementerian Pengangkutan akan terus maju dan melakar lebih banyak kejayaan di masa-masa akan datang.

TERKINI DI MOT

Pelancaran MRT Laluan SBK Fasa II

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, warga MOT sekalian,

10. Saya pasti, seperti saya, tuan-tuan dan puan-puan warga MOT semua sudah semestinya amat teruja dan berbangga dengan pelancaran MRT Laluan Sungai Buloh – Kajang (SBK Line) yang disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri pada Isnin yang lalu.

11. Kegembiraan ini turut sama dikongsi oleh semua lapisan masyarakat terutama penduduk di sekitar Lembah Klang. Pelancaran yang amat ditunggu-tunggu sejak fasa pertama dibuka dari Sungai Buloh – Semantan pada bulan Disember tahun lalu mengundang banyak reaksi positif daripada rakyat.

12. Dengan beroperasinya MRT pertama di Malaysia ini telah meletakkan negara kita setanding dengan negara-negara maju di dunia yang dilengkapi dengan sistem pengangkutan awam yang moden, canggih, efisien dan mesra pengguna seperti di United Kingdom, Hong Kong dan Singapura.

13. Laluan sepanjang 51km ini dilengkapi dengan 31 buah stesen, dimana 7 daripadanya merupakan stesen bawah tanah sepanjang 9.5km. Stesen TRX di Kuala Lumpur merupakan stesen bawah tanah paling dalam dengan kedalaman 45 meter.

14. Kita menjangkakan jumlah bilangan penumpang yang menggunakan MRT laluan ini akan melonjak kepada 150,000 orang secara purata sehari berbanding hanya 15,000 semasa fasa pertama dibuka. Ini bermaksud kita akan dapat mencapai target KPI ridership waktu puncak sebanyak 500,000 tidak lama lagi.

15. Jangkaan ini adalah bertepatan kerana dalam fasa pertama MRT semenjak bulan Disember 2016, sejumlah 2 juta pengguna telah direkod menggunakan perkhidmatan tersebut bagi laluan Sungai Buloh – Semantan.

16. Projek MRT ini adalah sebahagian daripada inisiatif-inisiatif kerajaan untuk mengtransformasikan sistem pengangkutan awam dalam negara seperti LRT, LRT projek sambungan, LRT3, MRT2 yang sedang dalam pembinaan, MRT3 dan BRT.

17. Kita berada di landasan yang betul dalam usaha untuk meningkatkan modal share rakyat bagi menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam yang hanya 10% pada tahun 2009 dan telah meningkat kepada 20% pada 2015 dan kini berada di paras 27%-28% dan saya amat yakin dengan projek MRT dan MRT2, LRT3 dan kemudiannya MRT3 kita akan dapat mencapai 40% dalam tahun 2030.

18. Ini adalah seiring dengan matlamat kita di Kementerian ini yang berusaha bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar kerana kita menjagkakan dengan pengoperasian penuh MRT laluan SBK, sejumlah 160,000 kenderaan akan dapat dikurangkan di jalanraya ke Kuala Lumpur.

19. Oleh yang demikian saya ingin menyeru kepada semua warga agar sama-sama kita war-warkan kemudahan-kemudahan pengangkutan yang disediakan oleh kerajaan ini kepada sahabat handai, ahli keluarga dan masyarakat. Juga saya mohon jasa baik pihak media untuk sentiasa merancakkan promosi berhubung projek-projek pengangkutan awam seperti MRT ini.

Ops Selamat

Warga Kementerian sekalian,

20. Dalam kita bergembira meraikan perayaan Aidilfitri, saban tahun kita masih lagi dikhabarkan dengan pelbagai kes kemalangan pilu yang menyayat hati kita semua yang mengakibatkan kehilangan begitu banyak nyawa.

21. Ops selamat yang dijalankan pada tahun ini menunjukkan peningkatan begitu ketara statistik kemalangan jalan raya sepanjang operasi tersebut berlangsung dengan peningkatan sebanyak 1,420 kemalangan atau 7% berbanding waktu yang sama pada tahun lalu.

22. Namun begitu, operasi kali ini membawakan hasil dengan penurunan mendadak kemalangan maut dan kematian akibat kemalangan jalan raya yang masing-masing merekodkan pengurangan sebanyak 12% dan 14%. Ops Selamat 2017 merekodkan 257 kematian berbanding 299 kematian bagi Ops selamat 2016.

23. Banyak faktor yang dikenalpasti menjadi penyumbang utama kemalangan maut dalam Operasi kali ini. Beberapa kesalahan utama yang direkodkan adalah termasuk:

BIL JENIS KESALAHAN JUMLAH

1. Memandu melebihi had laju 150,675
2. Memandu di lorong kecemasan 873
3. Memotong di garisan berkembar 875
4. Memotong barisan 'Q' 2,204
5. Tidak mematuhi lampu isyarat 2,395
6. Menggunakan alat komunikasi semasa memandu 2,020

24. Penunggang motosikal masih lagi merupakan penyumbang utama kepada statistik kematian di jalan raya dengan 170 kes daripada 242 kes kematian keseluruhan yang direkodkan sepanjang musim perayaan Aidilfitri pada tahun ini.

25. Pelbagai program dan inisiatif telah kita jalankan, namun begitu, kita masih lagi mendengar berita kemalangan setiap hari. Perkara ini benar-benar membimbangkan saya. Isu keselamatan jalan raya ini bermula dari diri kita sendiri sebagai pengguna jalan raya. Banyak kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa lebih 80% daripada sebab kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh human behavior.

26. Atas sebab itu, kerajaan telah memperkenalkan Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AwAS) yang menggabungkan Sistem Kamera AES dan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) yang dilihat mampu mengurangkan kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya.

Majlis Memperingati Genap 3 Tahun Tragedi MH17

Tuan-tuan dan puan-puan, warga MOT sekalian

27. Dalam kegembiraan bulan Syawal yang mulia ini, saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk tidak lupa pada mereka yang menyambutnya dengan perasaan hiba dan sedih tanpa orang yang disayangi.

28. Tanggal 17 Julai merupakan satu tarikh yang tidak mungkin akan luput dari ingatan kita semua terutama bagi waris dan ahli keluarga penumpang dan kru MH17.

29. Sungguhpun 3 tahun telah berlalu sejak hari yang sungguh bertragis yang mengorbankan kesemua 298 penumpang dan anak kapalnya itu, namun kesannya masih lagi kita rasakan ke hari ini. Tiada kata yang dapat melakar kepiluan dan kesedihan hati waris dan ahli keluarga mangsa.

30. Namun, percayalah Kerajaan sentiasa komited dan memberikan sokongan sepenuhnya dalam usaha membawa pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 ke muka pengadilan.

31. Walaupun ianya satu tugas yang amat mencabar, namun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan sokongan negara-negara JIT dalam tempoh 3 tahun ini.

32. Kita amat mengalu-alukan kata sepakat yang dicapai oleh kesemua negara yang diwakili dalam JIT yang telah sebulat suara memilih opsyen pendakwaan nasional sebagai opsyen pendakwaan terbaik dan pendakwaan tersebut akan dijalankan di bawah sistem perundangan Belanda.

33. Ini menandakan kita telah melangkah ke satu fasa yang lebih dekat dalam usaha tidak berbelah bagi kita untuk mencari keadilan buat mangsa tragedi tersebut serta waris dan ahli keluarga mereka.

34. Saya sendiri telah mengadakan satu perjumpaan bersama waris mangsa MH17 pada minggu lalu dalam satu majlis bagi memperingati genap 3 tahun tragedi tersebut.

35. Justeru itu, saya berharap dan menyeru ahli keluarga dan rakan taulan mangsa agar terus cekal dan kekal tabah dalam meniti hari-hari yang mendatang tanpa orang yang disayangi. Doa dan ingatan kita akan terus bersama dengan mereka agar diberi ketabahan dan kecekalan hati dalam meneruskan kehidupan.

PENUTUP

36. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya cukup gembira melihat ramai tuan-tuan dna puan-puan warga MOT, jabatan, agensi, operator dan syarikat pengendali serta semua yang hadir dengan berpakaian yang mencerminkan suasana hari raya.

37. Bagi pihak kementerian, saya berharap agar warga sekalian dapat bergembira dengan merasakan kemeriahinan sambutan Aidilfitri yang telah disediakan oleh kita. Semoga majlis perayaan sebegini dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan antara kita sebagai satu keluarga besar MOT.

38. Akhirnya, sekali lagi, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf zahir Batin.

Sekian, terima kasih.